



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13/2/2012

Anwar jumpa Yusuf al-Qaradawi untuk pulih imej

KUALA LUMPUR: Tindakan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menemui ulama terkemuka, Yusuf al-Qaradawi dan pemimpin Hamas, Khalid Meshaal di Doha, Qatar minggu lalu hanya untuk memperbaiki imejnya yang tercalar selepas dilabel sebagai pro-Israel.

Pemerhati politik, Tan Sri Ibrahim Abu Shah, berkata Anwar menemui kedua-dua tokoh berkenaan selepas sedar dirinya dipandang serong oleh pemimpin dunia Islam berikutan kenyataannya menyokong keselamatan Israel seperti disiarkan *The Wall Street Journal*, akhir bulan lalu.

Beliau tidak terperanjat jika Anwar yang bersikap talam dua muka



itu akan menyatakan kepada mereka bahawa kenyataannya itu sudah diputar belit dan dipolitikkan oleh musuh politik.

"Saya berharap ulama dan pemimpin Arab akan melihat kepada kenyataan sebenar yang dikeluarkan Anwar kepada akhbar berkenaan yang menyokong semua usaha untuk melindungi keselamatan Israel walaupun kemudian dia cuba berdolak dalik.

"Mereka (pemimpin dunia Islam) perlu sedar siapa sebenarnya Anwar yang nyata seorang pembongkah dan penipu apabila sanggup menggunakan Islam untuk kepentingan politiknya. Dia juga mempermainkan prinsip Islam selepas mengeluarkan kenyataan berhubung ke-

selamatan Israel dan homoseksual," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Akhbar rasmi dalam talian PKR, *Keadilan Daily*, kelmarin melaporkan Anwar dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang juga Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) ke Doha, minggu lalu untuk menemui kedua-dua tokoh berkenaan bagi membincangkan masalah rakyat Palestin dan kebangkitan dunia Arab.

Sehubungan itu, Ibrahim berharap ada ulama atau badan Islam yang bersikap neutral dan berpegang kepada prinsip Islam sebenar di negara ini bersikap proaktif dengan membetulkan persepsi pemimpin dunia Islam terhadap Anwar.